

**Kaum Cina Terpengaruh - MCA Pahang  
Bernama  
7 Mei, 2013**

KUANTAN, 7 Mei (Bernama) -- Bekas anggota Dewan Undangan Negeri Semambu Pahang Datuk Phang Tsu Ming berkata kaum Cina dilihat terpengaruh dengan sentimen perkauman yang dimainkan parti politik pembangkang terutama DAP apabila menolak Barisan Nasional pada pilihan raya umum ke-13 Ahad lepas.

Sedangkan, katanya, kerajaan BN selama ini telah melakukan yang terbaik bagi menjaga kepentingan semua kaum di negara ini.

"BN yang ditunjangi Umno, MCA, MIC dan komponen lain mewakili semua kaum dan telah menjaga kepentingan semua kaum selama ini hingga negara hidup dalam aman, damai dan makmur," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam, bahawa kerajaan akan melaksanakan usaha ke arah penyatuan nasional supaya sebarang bentuk ekstremis dan isu perkauman tidak sihat bagi Malaysia dapat ditangani.

Bekas anggota DUN Teruntum Datuk Chang Hong Seong berkata kegagalan calon-calon MCA di Pahang memang berpunca daripada sokongan masyarakat Cina yang tidak memihak kepada BN.

MCA yang bertanding di lapan kerusi DUN, hanya menang di DUN Cheka dan Damak.

Beliau berpendapat usaha yang lebih gigih perlu dilakukan bagi memastikan perpaduan kaum terus utuh seperti melalui penyatuan nasional yang dicadangkan.

Chang juga berkata usaha menggalakkan kesederhanaan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum merangkumi soal ekonomi, politik dan sosial amat penting bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan keamanan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948151>